

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan



EDISI

26

ISSN 1823-6421



KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA

Mas'udah Asmui¹, Nurul Zahidah Md. Juperi¹, Shamsul Annuar Hj. Sulaimin¹, Rohana Johan¹, dan Siti Fazilah Hamid¹

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Cawangan Pahang, Kampus Jengka, Pahang.

*Koresponden: mas_as@uitm.edu.my

Pengenalan

Keselamatan dan kesihatan pekerja adalah aspek penting dan perlu dilindungi oleh para usahawan (majikan). Salah satu cara mengekalkan kesetiaan para pekerja adalah menjamin keselamatan dan kesihatan mereka semasa bekerja. Ia adalah faktor utama dalam mencapai kepuasan hati di kalangan pekerja dan merendahkan risiko tekanan di tempat kerja. Menurut Abdul Talib dan Mohd Ali (2012), walaupun faktor kualiti dan kos sebagai salah satu jaminan kejayaan di pasaran, aspek keselamatan dan kesihatan juga perlu diambil kira bagi menghadapi persaingan dalam pasaran global. Aspek-aspek ini juga akan mempengaruhi kualiti pemprosesan produk dan produktiviti syarikat.

Menyediakan tempat kerja yang sihat adalah persekitaran yang bersih, selesa, selamat dan sihat yang bukan sahaja memberi manfaat kepada pengguna, pembeli, dan masyarakat malah kepada alam sekitar. Kebersihan persekitaran tempat kerja akan terhasil kesan daripada kewujudan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Selain itu, peralatan menyediakan produk, mesin yang digunakan untuk memproses makanan atau produk, dan perabot yang bersesuaian dan ergonomik di tempat jualan atau gerai adalah ciri-ciri yang amat perlu dalam membantu para pekerja bersedia bekerja (dari segi fizikal dan mental).

Kepentingan Menyedia Keselamatan dan Kesihatan Kepada Pekerja

Kebanyakan perniagaan kecil tidak mewujudkan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang menyeluruh (Bahari, Hassan dan Tunku Ahmad, 2020). Para usahawan lebih memilih memberi penerangan secara lisan yang ringkas kepada para pekerja mengenai keselamatan dan kesihatan mengikut pemahaman dan pengetahuan yang ada. Banyak kemalangan dan kecelakaan berlaku terhadap pekerja di sektor perniagaan termasuklah perniagaan kecil. Ambil contoh, seorang pekerja melecur ditubuh badannya dek terkena minyak panas akibat kualiti berisi minyak terjatuh ke atas tubuh badannya. Apakah tindakan majikan atau usahawan dalam menghadapi dan mengelakkan kejadian seumpama begini berlaku? Apakah nasib pekerja itu setelah berlakunya kemalangan tersebut?

Ini adalah kisah-kisah benar yang diambil dari surat khabar secara atas talian. Siti Normah (54 tahun) ialah seorang pegerai kuih yang telah menderita akibat terkena minyak panas ketika menggoreng kuih di gerainya (Sinar Harian, 22 September 2021). Beliau bekerja sendiri dengan berniaga kuih-muih, goreng pisang, dan pelbagai lagi di tapak perniagaan berdekatan rumahnya. Manakala di Kuching, Sarawak pada 10 Julai 2017, dua orang pekerja melecur di tangan dan kaki selepas terkena minyak panas di dapur premis majikannya. Insiden malang itu dipercayai berlaku apabila periuk berisi minyak yang digunakan untuk memasak ayam terjatuh lalu minyak panas tersimbah ke arah kedua-dua mangsa (Utusan Borneo Online, 11 Julai 2017). Kedua-dua insiden ini memberi tekanan emosi, fizikal, ekonomi dan sosial terhadap mangsa (pekerja) dan usahawan. Sekiranya mangsa kehilangan atau lumpuh anggota tubuh badan, masa hadapannya akan gelap dan perkembangan ekonomi perniagaan usahawan pula terbantut.

Perlindungan yang Memberi Jaminan

Tanpa adanya perlindungan keselamatan kepada para pekerja, ia akan menjadi konflik di antara pekerja dan usahawan. Kecelakaan di gerai jualan, kemalangan dalam perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja, dan diuji dengan penyakit yang kronik dan kritikal (yang diperoleh sepanjang tempoh bekerja) adalah kejadian 'malang tidak berbau'. Oleh itu, para usahawan yang menjadi majikan perlulah sedar akan kepentingan perlindungan sebegini kepada para pekerja. Para usahawan boleh meneliti skim perlindungan yang disediakan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) iaitu Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS). SKSPS telah diperkenalkan pada 1 Jun 2017, di mana Perkeso menawarkan perlindungan khas kepada golongan yang menjalankan pekerjaan sendiri daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit pekerjaan dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan (Bernama, 22 Februari 2022).

